



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
SAMBUTAN TAHUN BARU CINA  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**22 FEBRUARI 2016 (ISNIN)  
DI DATARAN DBKL, JALAN RAJA LAUT  
KUALA LUMPUR**

---

**Bismillah hirrahman Nirahim.**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Mohd Ikshan,  
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg Datuk Seri Haji Mhd Amin Nordin bin Abdul Aziz,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail,  
Presiden Perbadanan Putrajaya**

**YBhg. Dato' Hajah Nor'Aini binti Abdul Wahab,  
Timbalan Ketua Setiausaha, Pengurusan dan Sosio Ekonomi,  
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam,**  
Timbalan Ketua Setiausaha, Perancangan dan Pembangunan  
Kementerian Wilayah Persekutuan

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta Swasta,**

**Pemimpin-pemimpin masyarakat,**

**Para wakil media,**

**YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.**

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama hadir di majlis Sambutan Tahun Baru Cina peringkat Wilayah Persekutuan bersempena juga dengan bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2016.
2. Rasa syukur ini juga kita panjatkan kerana kita dapat meraikan sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini dalam keadaan yang harmoni walau apa kemelut yang kita hadapi kerana Kerajaan akan tetap teguh berpaksikan kepada prinsip untuk menjaga serta memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat berkonsepkan Rakyat Didahulukan.
3. Tahun ini mengikut zodiak Cina merupakan Tahun Monyet Api (*Fire Monkey Year*). Monyet dikaitkan dengan simbol kecergasan dan

kecerdasan. Masyarakat Cina percaya dan meyakini bayi yang lahir di tahun monyet akan bertenaga, percaya diri, ramah, bijak dan inovatif. Selain dari itu, monyet juga dianggap sebagai simbol kesihatan dan umur panjang.

4. Pada hari ini saya dapat lihat wajah bertenaga, sihat dan ceria terpancar serta semangat perpaduan yang terzahir bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Wilayah tahun 2016 ini iaitu '**Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera**'. Ini membuktikan realitinya kita masih berada dalam keadaan yang stabil dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, sekaligus mampu bertahan lagi kekal terus berdaya saing.
5. Bagi memeriahkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini, saya difahamkan Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi di bawah telah mengaturkan pelbagai program. Bermula dengan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan kemudian disusuli dengan program-program rakyat seperti Kenduri 1 Wilayah Persekutuan, Majlis Tahlil dan Doa Selamat, Program-program Ilmiah, Program CSR Wilayah Persekutuan, Pertandingan Melukis dan Mewarna WP dan banyak lagi program yang telah dianjurkan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Kita mampu mengekalkan keharmonian agama dan sosial yang sedia ada kerana adanya rasa hormat yang mendalam terhadap rakan-

rakan yang tidak seagama dan sebangsa. Ini pula diperkukuhkan dengan sikap serdahana yang kita amalkan dalam pelbagai aspek kehidupan. Tidak dinafikan kita mempunyai perbezaan pendapat dan pandangan tetapi itu tidak bermakna kita tidak mampu mencapai kesepakatan.

7. Tiada untungnya kita berpecah belah dan mementingkan diri atau puak sendiri. Tiada gunanya kita membawa elemen luar yang boleh memecah-belahkan kita. Kita lebih tahu dan faham apa yang kita mahukan untuk negara dan kepada Wilayah Persekutuan khususnya yang kita sayangi.
8. Keunikan di Malaysia adalah keharmonian masyarakat berbilang bangsa yang hidup bersama berkongsi segalanya terutamanya budaya. Sebab itulah dalam konteks perayaan, kita dapat lihat semua bangsa bersama-sama memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina dan perkara sama juga turut berlaku pada perayaan Aidilfitri, Krismas mahupun Deepavali.
9. Dalam konteks Satu Malaysia, budaya perkongsian dan muafakat perlu diamalkan dan bukan sekadar di dalam konteks perkongsian perayaan malah setiap amalan dan kehidupan seharian kita perlulah dikongsi bersama agar keamanan dan kestabilan negara terus kukuh dan harmoni selamanya.
10. Untuk menjadi masyarakat yang terbilang, semangat kerjasama dan bersatu perlu dikekalkan, tidak mengira pangkat bangsa, agama dan

fahaman politik. Mungkin antara kita ada beberapa kelemahan dan cacat celanya, tetapi jika kita bersama dan bersatu segala kelemahan tersebut akan berubah menjadi satu kelebihan. Mudah-mudahan dengan komitmen yang padu semua pihak tanpa mengira kaum akan dapat menjadi penggerak bagi mempercepat kejayaan 1Malaysia selaras dengan cita-cita negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020.

11. Saya ingin menyeru seluruh warga Wilayah Persekutuan supaya bersatu padu dan hidup dalam aman dan harmoni. Elakkan berlaku permasalahan kecil atau berbeza kefahaman sehingga mencetuskan masalah perkauman. Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak khususnya pemimpin sama ada pemimpin parti politik, badan bukan kerajaan serta masyarakat untuk menterjemahkan kebersamaan itu untuk diikuti semua rakyat tanpa mengira latar belakang.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

12. Wilayah Persekutuan merupakan cerminan wajah Malaysia kepada dunia dan ia membentuk tanggapan pertama pelawat, pelancong dan pelabur yang datang. Sesungguhnya Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan pusat komersial, Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan adalah nadi penting kepada negara.
13. Kita tidak mahu Wilayah Persekutuan dikenali semata-mata melalui menara pencakar langit dan segala gejala negatif yang dikaitkan

dengan urbanisasi, sebaliknya kita mengimpikan Wilayah Persekutuan yang hijau, ceria, aman, makmur dan dengan alam sekitar yang sihat.

14. Justeru, marilah kita sama-sama jadikan impian ini suatu realiti. Bagi menggarap masa depan tersebut, seluruh warga Wilayah Persekutuan perlu berganding bahu bersama-sama bergerak ke arah apa yang direncanakan.
15. Bagi membangunkan masyarakat yang kukuh, harmoni dan ceria, serta negara yang berdaya tahan, kesejahteraan dan perpaduan merupakan elemen sosial yang perlu dititik beratkan. Kerajaan, melalui Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran akan kepentingan budaya sosial yang positif. Usaha ini adalah amat penting bagi memastikan masyarakat di Wilayah Persekutuan lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan perpaduan, keharmonian serta keceriaan dalam kalangan rakyat.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,**

16. Apa yang baik dan telah terbukti berjaya perlulah kita teruskan dan tambahbaik dengan segala kelemahan yang ada dibaiki. Sementara apa yang terbukti gagal patut ditamatkan dan diambil teladan daripadanya. Kerajaan amat memahami perit getir yang dihadapi oleh rakyat dengan persekitaran ekonomi yang agak tidak menentu.

Justeru pelbagai kaedah dan cara telah difikirkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat menangani perkara ini dengan sebaik mungkin.

17. Sehubungan itu, pada sambutan Tahun Baru Cina yang begitu meriah hari ini, wang tunai sebanyak RM200,000.00 akan diagihkan sebagai saguhati, tanda ingatan kepada warga Wilayah Persekutuan yang hadir pada hari ini.
18. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Wilayah Persekutuan pada tahun ini.
19. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina, “Gong Xi Fa Cai” kepada semua warga Wilayah Persekutuan dan semoga perayaan kali ini akan membawa keamanan dan kemakmuran untuk kita semua.
20. Sekian, terima kasih.